

D136

U B598 BAH

CUEPACS - MAHATHIR
(I)

KUALA LUMPUR, 22 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN MENGHARGAI KEPUTUSAN CUEPACS DAN MAJLIS-MAJLIA BERSAMA KEBANGSAAN (MBK) UNTUK MEMBATALKAN PIKET YANG DIJADUALKAN ESOK.

SEMASA DITANYA JIKA BELIAU MENGHARAPKAN PERTIKAIAN ANTARA KERAJAAN DENGAN KAKITANGANNYA MENGENAI TUNTUTAN PELARASAN GAJI DAPAT DISELESAIKAN, PERDANA MENTERI HANYA BERKATA: +KERAJAAN MEMANG SENTIASA BERHARAP.+

MENGENAI BILAKAH BELIAU AKAN BERBINCANG DENGAN WAKIL-WAKIL CUEPACS DAN MBK, BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI BANGUNAN PARLIMEN: +BILA-BILA MASA SAYA ADA KELAPANGAN.+

CUEPACS DAN MBK YANG MEWAKILI KAKITANGAN KERAJAAN HARI INI MENGUMUMKAN BAHAWA MEREKA MEMBATALKAN PIKET SELURUH NEGARA SELEPAS MENERIMA SEPUCUK SURAT RASMI BAHAWA PERDANA MENTERI SEDIA MENEMUI MEREKA UNTUK BERBINCANG MENGENAI TUNTUTAN PELARASAN GAJI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM BERKATA BELIAU GEMBIRA ATAS APA YANG DIANGGAPNYA SEBAGAI LANGKAH KEDUA DALAM PENDEKATAN KERAJAAN UNTUK MENYELESAIKAN PERTIKAIAN ITU.

LANGKAH PERTAMA, KATANYA, IALAH KENYATAANNYA PADA 14 OKT. LALU SUPAYA PIHAK-PIHAK TERBABIT BERTENANG. -- LAGI.

D144

B B600 BAH

CUEPACS - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR
(I)

+SEKARANG KITA MENGHARAPKAN PERJUMPAAN DAN PERBINCANGAN YANG SAYA YAKIN DIADAKAN DALAM SEMANGAT MUHIBBAH DAN KEJUJURAN SERTA JUGA KESEDIAAN KEDUA-DUA BELAH PIHAK (KERAJAAN DAN KESATUAN) UNTUK BERUSAHA MEWUJUDKAN KEDAMAIAN DAN KESTABILAN PERUSAHAAN, DAN DALAM PADA ITU JUGA, MENGAMBIL KIRA KEPENTINGAN MASYARAKAT PEKERJA DI NEGARA INI, DAN INI AKAN MEMBAWA KEJAYAAN KEPADA LANGKAH KETIGA DAN YANG TERAKHIR,+ TAMBAHNYA.

BELIAU BERPENDAPAT LANGKAH TERAKHIR AKAN MEMBAWA CUEPACS MEMBATALKAN MOGOK YANG DIJADUALKAN PADA 15 JAN. DEPAN BERDASARKAN KEPADA PERSEFAHAMAN YANG DIYAKININYA AKAN DAPAT DICAPAI DALAM PERBINCANGAN ITU NANTI.

+MUHIBBAH DAN KEJUJURAN NAMPAKNYA MEMANG ADA TERUTAMA SELEPAS SAYA MENYERU KEDUA-DUA PIHAK MELEMBUTKAN KATA-KATA DALAM KENYATAAN, TERMASUK KENYATAAN PARA PEMIMPIN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA DAN PARTI-PARTI POLITIK,+ KATA DATUK MUSA.

BELIAU BAGAIMANAPUN ENGGAN MENERANGKAN BENTUK PENYELESAIAN YANG MUNGKIN DICAPAI KERANA KATANYA + SPEKULASI HANYA AKAN MENAMBAHKAN SPEKULASI YANG AKAN MENIMBULKAN PELBAGAI SALAH TAFSIRAN.

+KEJAYAAN SEKARANG INI IALAH KERANA KEADAAN BERTENANG OLEH SEMUA PIHAK. KEPADA SAYA, BERTENANG DAN MENGAWAL DIRI PALING PENTING,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.

CUEPACS - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

NAIB PRESIDEN UMNO DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI BERKATA BELIAU GEMBIRA KERANA KERAJAAN DAN CUEPACS MEMPUNYAI SEMANGAT MUSYAWARAH DAN INGIN Mencari PENYELESAIAN.

KATANYA DALAM MENGHADAPI KEADAAN ITU, SIKAP DAN FIKIRAN YANG TENANG SAHAJA DAPAT MENGATASI MASALAH YANG DIHADAPI.

BELIAU MENYIFATKAN LANGKAH MEMBATALKAN PIKET ITU SEBAGAI PALING WAJAR.

KETUA PERGERAKAN WANITA UMNO MALAYSIA DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ BERKATA SEMUA PIHAK YANG TERBABIT DALAM ISU ITU HENDAKLAH MELIHAT PERKARA YANG DIHADAPI DENGAN SIKAP YANG RASIONAL DAN TENANG DENGAN MENGAMBIL KIRA KEPENTINGAN NEGARA.

KATANYA WANITA UMNO MENYAMBUK BAIK SIKAP CUEPACA YANG SANGGUP MENARIK RANCANGAN MEREKA.

SIKAP ITU, KATANYA MENUNJUKKAN MEREKA MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN MASYARAKAT DAN NEGERA LEBIH DARIPADA SEGALANYA.

+ DAN PENDEKATAN YANG SAMA HARUS DIIKUTI PADA MASA-MASA AKAN DATANG SEHINGGA KERAJAAN BERUPAYA MEMENUHI TUNTUTAN ITU,+ KATANYA.

DATIN PADUKA RAFIDAH YAKIN PARA PEMIMPIN CUEPACS AKAN MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN NEGARA DENGAN MENGAMBIL JALAN MUSYAWARAH DAN MENGELAKKAN KEKASARAN. -- BERNAMA.